

Penjaga Jam Ikonik

Encik V. Gunasegaran ialah penjaga jam Menara Sultan Abdul Samad. Jam itu telah mula _____ sejak tahun 1897. Setiap dua hari, jam itu akan _____ dan disenggarakan oleh beliau.

Beliau mula _____ sebagai penjaga jam ini pada usia 19 tahun. Beliau ialah individu ketiga yang diberikan amanah _____ jam itu. Tempoh masa tiga tahun _____ oleh beliau untuk mahir menjaga jam tersebut.

Tugas beliau termasuklah _____ engkol sebanyak 300 kali pusingan. Hal ini dilakukan supaya pemberat loceng seberat 400 kg dapat _____ ke atas. Selain itu, beliau juga mengunci jam, _____ waktu, membersihkan dan memeriksa keadaan jam.

Pada tahun 2016, Encik V. Gunasegaran telah _____ setelah bertugas selama 41 tahun. Walaupun telah bersara, beliau berikrar akan _____ kemahiran dan pengalamannya kepada pihak yang memerlukannya.

